

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]**

**TARIKH : 6 OGOS 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB. TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diperuntukan dalam usaha mempromosikan pelancongan tempatan pada tahun ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa berusaha untuk menggalakkan pelancongan domestik kerana sektor ini merupakan salah satu sektor yang penting dalam menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia terutamanya bagi tempoh pasca COVID-19 ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bajet yang diperuntukkan untuk kempen VM2020 adalah sejumlah RM90 juta.

Sekian, terima kasih.